

<https://journal.unisza.edu.my/mjis>

**ANALISIS PERBANDINGAN KAEDAH *JAM' AL-QIRA'AT* DALAM KARYA
AL-TUHFAT AL-MARDIYYAH DAN *AL-MINAH AL-ILAHIIYAH*
BERDASARKAN *QIRA'AT AL-SAB' TARIQ AL-SHATIBIYYAH***

**[COMPARATIVE ANALYSIS OF *JAM' AL-QIRA'AT* METHODS IN *AL-TUHFAT
AL-MARDIYYAH* AND *AL-MINAH AL-ILAHIIYAH* BASED ON *QIRA'AT
AL-SAB' TARIQ AL-SHATIBIYYAH*]**

M. JISMANI YUSOFF^{1*} & NOR HAFIZI YUSOF¹

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia
Email: jismaniyusoff@gmail.com; nhafizi@unisza.edu.my

*Corresponding Author: nhafizi@unisza.edu.my

Received Date: 10 May 2024 • Accepted Date: 2 June 2024

Abstrak

Jam' al-Qira'at merupakan salah satu kaedah menghimpunkan bacaan *Qira'at* yang dicipta bagi mempraktikkan *wujud al-Qira'at* dalam pembacaan al-Qur'an. Kaedah *Jam' al-Qira'at* merupakan satu langkah yang wajar bertujuan memelihara dan mengekalkan *wujud al-Qira'at* dalam al-Qur'an sebagaimana ia diturunkan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan menganalisis dan membandingkan kaedah *Jam' al-Qira'at* dalam dua karya penting dalam *Jam' al-Qira'at* iaitu *al-Tuhfat al-Mardiyyah* dan *al-Minah al-Ilahiyyah* berdasarkan *Qira'at al-Sab' Tariq al-Shatibiyyah*. Kedua-dua karya ini menjadi rujukan utama dalam bidang Ilmu *Qira'at* dari sudut praktikal *Jam' al-Qira'at*. Sumbangan kedua-dua karya ini sangat besar terhadap perkembangan Ilmu *Qira'at* khususnya dalam mengaplikasi bacaan secara *Jam' al-Qira'at*. Penerimaan kedua-dua karya ini tidak dapat dinafikan dalam konteks praktikal *Jam' al-Qira'at al-Sab' Tariq al-Shatibiyyah*. Dalam kajian ini, pendekatan yang digunakan adalah bersifat kualitatif iaitu menganalisis struktur dalam konteks *Jam' al-Qira'at* dan membuat perbandingan dalam dua karya tersebut. Hasil daripada kajian dan analisis pula ialah dapat mengetahui perbezaan kaedah kedua-dua karya tersebut yang digunakan dalam *Jam' al-Qira'at* selain dapat memahami hukum-hukum dan syarat-syarat berkaitan *Jam' al-Qira'at*.

Keywords: *Jam' al-Qira'at*, *Tariq al-Shatibiyyah*, *Tuhfat al-Mardiyyah*, *al-Minah al-Ilahiyyah*

Abstract

Jam' al-Qira'at is one of the methods of gathering Qira'at readings created to practice the appearance of al-Qira'at in reading the Qur'an. The Jam' al-Qira'at method is a reasonable step aimed at preserving and maintaining the appearance of al-Qira'at in the Qur'an as it was revealed. Therefore, this study was conducted to analyze and compare the method of Jam' al-Qira'at in two important books in Jam' al-Qira'at, namely al-Tuhfat al-Mardiyyah and al-Minah al-Ilahiyyah based on Qira'at al-Sab' Tariq al-Shatibiyyah. These two books are the main references in the field of Ilmu Qira'at from the practical point of view of Jam' al-Qira'at. The contribution of these two books is very great to the development of the Ilmu Qira'at, especially in the application of Jam' al-Qira'at reading. The acceptance of these two books cannot be denied in the practical context of Jam' al-Qira'at al-Sab' Tariq al-Shatibiyyah. In this study, the approach used is qualitative, which is to analyze the structure in the context of Jam' al-Qira'at and make comparisons in the two books. The result of the study and analysis is to be able to know the difference between the methods of the two works used in Jam' al-Qira'at as well as being able to understand the laws and conditions related to Jam' al-Qira'at.

Kata Kunci: *Jam' al-Qira'at, Tariq al-Shatibiyyah, al-Tuhfat al-Mardiyyah, al-Minah al-Ilahiyyah.*

Cite as: M. Jismani Yusoff & Nor Hafizi Yusof. 2024. Analisis Perbandingan Kaedah *Jam' al-Qira'at* dalam Karya *al-Tuhfat al-Mardiyyah* dan *al-Minah al-Ilahiyyah* Berdasarkan *Qira'at al-Sab' Tariq al-Shatibiyyah* [Comparative Analysis of *Jam' al-Qira'at* Methods in *al-Tuhfat al-Mardiyyah* and *al-Minah al-Ilahiyyah* Based on *Qira'at al-Sab' Tariq al-Shatibiyyah*]. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 8(1): 57-67.

PENGENALAN

Jam' al-Qira'at merupakan satu seni dalam pengajian Ilmu *Qira'at*. Lazimnya, al-Qur'an dibaca secara *ifrad* iaitu berdasarkan satu riwayat sahaja. Oleh itu, ia diterima dan diamalkan tanpa berlaku pertikaian dan perselisihan dalam kalangan umat Islam. Namun, setelah muncul pengamalan bacaan secara *Jam' al-Qira'at* ia telah mencetuskan beberapa isu dan berlaku perselisihan pendapat ulama mengenainya. Faktor utama kemunculan *Jam' al-Qira'at* adalah bagi mempercepatkan tempoh pembelajaran *talaqqi Qira'at* berdasarkan kaedah-kaedah yang digariskan. Tujuannya demi menjaga al-Qur'an yang diwahyukan kepada Nabi SAW yang cukup komprehensif dan kaya dengan kepelbagaian *lahjat al-'arabiyyah*. Ia tidak sekali-kali akan pupus dan hilang kerana ia telah dijamin oleh Allah s.w.t. Telah sedia maklum bahawa kepelbagaian jenis dan variasi *Qira'at* merupakan satu anugerah Ilahi yang amat berharga kepada umat Islam khususnya kepada individu yang berkecimpung dalam bidang ini. Oleh itu, *Jam' al-Qira'at* merupakan salah satu daripada cabang pengajian Ilmu *Qira'at* yang dicipta bagi mempraktikkan wajah-wajah *al-Qira'at* dalam pembacaan al-Quran melalui kaedah-kaedahnya yang telah digariskan. Kaedah-kaedah tersebut merupakan satu langkah yang sangat penting bagi memelihara dan mengekalkan wajah-wajah *Qira'at* dalam al-Qur'an sebagaimana ia diturunkan.

Tujuh *Qira'at* atau dikenali dengan *Qira'at al-Sab'* adalah penisbahan dan penyandaran *Qira'at* kepada Imam Nafi', Ibn Kathir, Abu 'Amr, Ibn 'Amir, 'Asim, Hamzah dan al-Kisa'i.

Setiap imam pula terdiri daripada dua perawi yang masyhur iaitu riwayat Qalun dan Warsh daripada Imam Nafi', riwayat al-Bazzi dan Qunbul daripada Imam Ibn Kathir, riwayat al-Duri dan al-Susi daripada Imam Abu 'Amr, riwayat Hisham dan Ibn Dhakwan daripada Ibn 'Amir, riwayat Shu'bah dan Hafs daripada Imam 'Asim, riwayat Khalaf dan Khallad daripada Imam Hamzah dan riwayat Abu al-Harith dan al-Duri daripada Imam al-Kisa'i.

Justeru, kajian ini tertumpu kepada kaedah *Jam' al-Qira'at* mengikut *Tariq al-Shatibiyyah* dan ia merupakan asas dalam pengajian Ilmu *Qira'at* tanpa melibatkan *Qira'at al-Mutawatirah* yang lain. Karya pertama iaitu *al-Tuhfat al-Mardiyyah min Tariq al-Shatibiyyah* merupakan sebuah kitab *Jam' al-Qira'at* yang dikarang oleh Muhammad Ibrahim Muhammad Salim. Beliau termasuk dalam kalangan *Qurra'* yang termasyhur di Mesir. Beliau juga adalah pengarang Kitab *Faridat al-Dahr fi Ta'sil wa Jam' al-Qira'at al-'Ashr* dan bertalaqqi *Qira'at* dengan al-'Allamah Shaykh Ahmad bin 'Abdul 'Aziz al-Zayyat. Dilahirkan pada 12 Zulhijjah 1332 H dan meninggal pada 15 Syaaban 1430 H. Kitab *al-Tuhfat al-Mardiyyah* merupakan antara kitab rujukan yang masyhur dalam Ilmu *Qira'at* khususnya di timur tengah. Karya yang kedua pula iaitu *al-Minah al-Ilahiyyah fi Jam' al-Qira'at al-Sab' min Tariq al-Shatibiyyah* hasil tangan Khalid Muhammad Al-Hafiz Al-'Ilmi. Beliau merupakan penyelia institusi tahfiz di *Madinat al-Munawwarah* dan juga salah seorang pengarang kitab *Taqrib al-Ma'ani fi Sharh Hirz al-Amani fi Qira'at al-Sab'*. Kedua-dua buah karya beliau ini menjadi sumber rujukan dan silibus pengajian kebanyakan institusi-institusi pengajian *Qira'at* di dalam dan luar negara termasuklah di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu dengan menganalisis teks yang mendalam terhadap kedua-dua karya tersebut. Pendekatan ini melibatkan perbandingan struktur, kandungan, dan kaedah yang digunakan dalam setiap karya untuk memahami bagaimana setiap penulis menyusun kaedah *Jam' al-Qira'at*. Analisis ini juga termasuk kajian terhadap penjelasan dan contoh-contoh yang diberikan dalam setiap karya serta bagaimana ia membantu pembaca memahami perbezaan antara dalam susunan *Jam' al-Qira'at*.

i. Pengumpulan Data

Dalam pengumpulan data, pengkaji akan melibatkan beberapa kaedah dalam proses menyiapkan kajian ini antaranya :

a. Kajian Perpustakaan (*Library Research*) / Dokumentasi.

Iaitu pengumpulan data-data daripada sumber data dan dokumen-dokumen. Metode ini bertujuan bagi memperolehi dokumen-dokumen dan data-data yang diperlukan semasa melakukan penelitian daripada bahan-bahan bertulis yang diterbitkan secara rasmi dan tidak rasmi. Contohnya, buku, disertasi, tesis, jurnal, artikel, kertas kerja, manuskrip dan lain-lain lagi.

b. Penyelidikan melalui sesawang

Iaitu pengumpulan data menerusi laman sesawang bagi mendapatkan maklumat berbentuk teks, manuskrip dan juga melalui perisian *Maktabat al-Shamilah*, *Maktabat al-'Alamiyyah* dan lain-lain lagi. Hasilnya, banyak buku *Qira'at* yang diperolehi dan dikumpul secara *soft copy* dan ia menjadi dokumen rujukan untuk diteliti.

ii. Penganalisan Data

Setiap maklumat dan data yang diperolehi, pengkaji akan menganalisis dan mengkaji dengan teliti agar kajian yang dilakukan berkualiti dan bermutu dapat dihasilkan. Pada peringkat ini, pengkaji akan menggunakan metode-metode dalam proses menganalisis data sebagaimana berikut:

a. Metode Induktif

Pengkaji akan menggunakan metode ini selepas memperolehi dokumen-dokumen dan data-data daripada buku-buku dan hasil kajian. Data-data ini akan diteliti dan dibuat perbandingan secara menyeluruh. Pengkaji juga akan melibatkan metode ini bagi memperolehi kaedah-kaedah dalam karya yang telah dihasilkan.

b. Metode Deduktif

Iaitu kajian yang bermula daripada kaedah umum diikuti aplikasinya terhadap contoh-contoh khusus. Kadang-kadang ia digunakan bagi mendapatkan kesimpulan atau generalisasi baru daripada kaedah yang telah diketahui.

iii. Deskriptif Analisis

Deskriptif analisis ialah kaedah untuk membuat kesimpulan dengan melakukan analisis terhadap data-data yang diperolehi. Segala data yang ditemui akan diolah dan dianalisis secara kritis untuk menghasilkan kajian yang kritis dan sempurna.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Antara faktor utama penyumbang kepada munculnya *Jam' al-Qira'at* ialah kerana ramai dalam kalangan individu yang bertalaqqi *Qira'at* menjadi putus asa, lemah semangat dan kurang minat disebabkan proses pengajiannya yang mengambil masa yang lama. Justeru, penciptaan kaedah-kaedah *Jam' al-Qira'at* adalah bertujuan mempercepat dan memendekkan tempoh talaqqi *Qira'at* kerana pembelajarannya secara *ifrad* yang diamalkan sebelum ini yang memerlukan masa yang panjang bagi menyelesaikan bacaan satu-persatu (Al-Jazari, 1980). Kesannya, ramai yang tidak mampu bertahan seterusnya meninggalkan pengajian talaqqi *al-Qira'at* sedangkan mempelajari selok-belok Ilmu *Qira'at* dan bertalaqqi adalah satu tuntutan dan hukumnya fardu kifayah (Al-Ja'bari, 1998). Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji akan

menghuraikan terlebih dahulu tentang syarat-syarat, kaedah-kaedah dan hukum-hukum berkaitan *Jam' al-Qira'at* sebelum menganalisis dan membuat perbandingan kaedah *Jam' Al-Qira'at* dalam karya *al-Tuhfat al-Mardiyyah* dan *al-Minah al-Ilahiyyah* berdasarkan *Qira'at al-Sab' Tariq al-Shatibiyyah*

Syarat-syarat bagi Jam' al-Qira'at

Empat syarat utama yang mesti dipatuhi semasa proses praktikal *Jam' al-Qira'at* (Al-Jazari, 1980). Pertama, menjaga tempat wakaf. Kedua, menjaga tempat memulakan bacaan. Ketiga, memperelok bacaan. Keempat, tiada pertindanan iaitu percampuran wajah dalam bacaan atau riwayat.

Kaedah Jam' al-Qira'at

Kaedah *Jam' al-Qira'at* di sisi ulama terbahagi kepada tiga mazhab. Pertama, *Jam' al-Huruf* iaitu apabila seseorang qari memulakan bacaan dengan riwayat tertentu, kemudian bertemu dengan kalimah *khilaf* (berbeza bacaan) sama ada pada usul atau *farsh*, maka qari tadi akan mengulangi bacaan pada kalimah tersebut sehinggalah dibaca semua *khilaf* pada kalimah itu. Kedua ialah *Jam' al-Ayat*. Sebahagian ulama' *Qira'at* memilih menghimpun bacaan antara ayat dengan ayat. Maka mereka membaca sepotong ayat tertentu sehingga ke penghujungnya. Kemudian mereka mengulang kembali ayat tersebut dengan riwayat lain sehinggalah selesai semua *khilaf* riwayat. Seakan-akan tujuan mereka adalah untuk menyempurnakan satu ayat demi satu ayat dan memisahkan antara satu ayat dengan ayat yang lain. Hal ini bagi menjaga kesinambungan susunan setiap ayat dan mengelakkan daripada berlakunya pertindanan tertib antara kalimah. Ketiga, *Jam' al-Waqf* iaitu menghimpunkan bacaan *Qira'at* berdasarkan tempat-tempat waqaf yang elok bagi menjaga maksud ayat iaitu dengan memulakan bacaan riwayat pertama mengikut tertib dan berhenti pada tempat yang diharuskan,. Selepas itu, diulangi ayat dengan riwayat lain melainkan bacaan yang pertama di samping melihat kepada tempat *khilaf* yang hampir dengan tempat wakaf tersebut sehinggalah selesai bacaan semua riwayat. Sekiranya berlaku persamaan dalam bacaan antara riwayat-riwayat tersebut, maka memadai bacaan itu dengan sekali bacaan sahaja (Al-Jazari, 1980).

Setelah diamati penjelasan-penjelasan yang dikemukakan, pengkaji berpendapat ketiga-tiga kaedah *Jam' al-Qira'at* yang digunapakai mempunyai keistimewaan tersendiri dan bermanfaat bagi umat Islam sejagat selagi mana boleh membantu dalam mencapai matlamat dan objektif yang lebih besar.

Hukum bacaan Jam' al-Qira'at

Ulama' telah berbeza pendapat tentang hukum *Jam' al-Qira'at* kepada tiga pendapat, iaitu pertama ia adalah harus secara mutlak. Harus secara mutlak bermaksud ia boleh dibaca pada semua keadaan dan tidak terhad ketika bertalaqqi sahaja seperti dalam majlis-majlis keraian umum dan lain-lain lagi. Antara ulama' yang berpendapat dengan pandangan ini adalah Shaykh Khalil bin Muhammad bin Ghanim al-Janayini. Beliau telah mengarang sebuah risalah berjudul "*Hidayat al-Qurra' Wa al-Muqri'in*", bagi mengemukakan hujahan yang mengharuskan

bacaan *Jam' al-Qira'at*. Dinyatakan dalam risalah tersebut bahawa *Jam' al-Qira'at* ini telah lama wujud sejak kurun kelima hijrah lagi dan kekal periwayatannya sehingga sekarang. Perkara tersebut telah diamalkan tanpa ada penentangan daripada ulama'-ulama' bahkan ia diakui dan diterima oleh umat sejagat (Al-Janayini, 1928). Ini menunjukkan kepada *Ijma' Sukuti*. Malahan beliau mendakwa bahawa hujah yang mengaitkan *Jam' al-Qira'at* semasa *talaqqi* sahaja adalah tiada dalil dan asasnya.

Hukum yang kedua ialah, ia ditegah secara mutlak. Ulama yang terkenal berpegang kepada pendapat ini adalah Muhammad bin Khalaf al-Husayni iaitu pengarang kitab "*al-Ayat al-Bayyinah Fi Hukmi Jam' al-Qira'at*". Kitab tersebut dikarang bagi menjawab hujah-hujah dalam risalah "*Hidayat al-Qurra' Wa al-Muqri'in*" (Abdul Halim, 1999). Setiap dalil dijawab satu-persatu dan berakhir dengan kenyataan bahawa *Jam' al-Qira'at* ini ialah perkara baru atau *bid'ah* kerana ia tidak berlaku dan dibuat pada zaman *salafussoleh*. Justeru, *Jam' al-Qira'at* ini ditegah secara total dan tidak boleh diharuskan berdasarkan pengamalan golongan *salafussoleh*. Pendapat ini juga mendapat sokongan dalam kalangan ulama yang sezaman dengan Abu Bakr al-Husaini. Bahkan jika diperhatikan, banyak kitab telah ditulis bagi menegah dan melarang *Jam' al-Qira'at*.

Hukum yang ketiga pula ialah harus ketika *talaqqi* sahaja. Ia merupakan pendapat kebanyakan ulama *Qira'at* atau digelar *ahl al-'ada'*. Antaranya ialah Ibn Mihran (wafat tahun 995), Makki bin Abi Talib (wafat tahun 1045), Abu 'Amru al-Dani (wafat tahun 1045), Abu al-Qasim al-Shatibi (wafat tahun 1045), al-Ja'bari (wafat tahun 1331), Abu al-Hasan al-Subki (wafat tahun 1356), Ibn al-Jazari (wafat tahun 1429) dan al-Qastallani (wafat tahun 1517). Dalil hukum bagi pendapat ketiga ini ialah riwayat dan *athar* yang sahih adalah daripada ulama sejak zaman awal munculnya *Jam' al-Qira'at* sehinggalah sekarang. Antara faktornya adalah disebabkan kebimbangan ulama' terhadap kemerosotan bilangan penuntut *Ilmu Qira'at* seterusnya membawa kepada lenyapnya ilmu ini daripada dada manusia. Sedangkan tuntutan memelajari *Ilmu Qira'at* ialah fardu kifayah. Tanpanya, nescaya manusia tidak akan mampu untuk membaca al-Qur'an dengan tepat dan betul.

Kesimpulan daripada penjelasan-penjelasan yang telah dihuraikan, pengkaji lebih cenderung kepada pendapat yang ketiga iaitu harus mengamalkan *Jam' al-Qira'at* ketika *talaqqi* sahaja. Ini kerana tiada dalil sahih yang melarang *Jam' al-Qira'at* bahkan sebahagian besar ulama *Qira'at* muktabar yang mengharuskan pengamalannya. Ini adalah pendapat yang terpilih. Walau bagaimanapun ia haruslah didasari dengan kaedah dan sistem pengambilan secara bertalaqqi. Matlamatnya supaya umat tidak lari daripada menuntut *Ilmu Qira'at* kerana tempoh masanya yang panjang dan lama. Justeru, keharusan ini bagi menjaga kesinambungan penuntut ilmu dan mempercepatkan tempoh *talaqqi* kesemua *Qira'at*.

ANALISIS PERBANDINGAN KAEDAH JAM' AL-QIRA'AT DALAM KARYA AL-TUHFAT AL-MARDIYYAH DAN AL-MINAH AL-ILAHIIYAH BERDASARKAN QIRA'AT AL-SAB' MIN TARIQ AL-SHATIBIYYAH

Berdasarkan kitab *al-Tuhfat al-Mardiyyah* dan *al-Minah al-Ilahiyyah* tertib wajah bacaan adalah sama iaitu mendahulukan riwayat Qalun 'an Nafi'. Kemudian diikuti riwayat-riwayat lain melihat kepada kalimah *khilaf* yang paling hampir dengan tempat wakaf. Di samping itu, ia tidak mengubah wajah pada kalimah sebelumnya sehinggalah selesai kesemua wajah-wajah

bacaan *Qira'at* tanpa berlaku pengulangan wajah yang sama. Teks ayat al-Quran yang digunakan adalah berdasarkan penulisan al-Quran kaedah *Rasm al-'Uthmani* mengikut bacaan riwayat Hafsh 'an 'Asim. Dalam kaedah penyusunan *Jam' al-Qira'at* ini terdapat perbezaan dalam dua karya tersebut. Pengkaji melihat bahawa kitab *al-Minah al-Ilahiyyah* lebih konsisten dalam penyusunan tertib *Jam' al-Qira'at* pada setiap ayat iaitu menyempurnakan dan melengkapkan kesemua wajah-wajah *Qira'at* mengikut tertibnya berbanding *al-Tuhfat al-Mardiyyah* memadai dengan menyebut *khilaf* pada kalimah dan menyandarkan kepada riwayat tanpa menyusun tertib bacaan dalam sesetengah ayat. Jadi, ia tidak memuatkan keseluruhan teks ayat al-Quran dalam menghuraikan wajah-wajah *Qira'at* dan sebahagian besarnya tidak disebut. Analisis dan huraian wajah-wajah *Qira'at* pula merangkumi ayat-ayat tertentu sahaja. Analisis wajah-wajah *Qira'at* dalam ayat-ayat tersebut dilakukan sebelum membuat penyusunan tertib bacaan, manakala bagi sesetengah ayat yang lain pula akan dihuraikan berdasarkan kalimah *khilaf* yang diambil tanpa menyusun secara tertib wajah-wajah *Qira'at*. Penyaringan ayat-ayat tersebut berdasarkan keseluruhan surah-surah dalam al-Quran di samping menampilkan ayat-ayat tertentu sahaja dalam penyelesaian wajah-wajah *Qira'at*. Kebanyakannya adalah ayat-ayat yang mengandungi wajah bacaan yang banyak dan perlu kepada ketelitian semasa proses penyusunan *Jam' al-Qira'at*. Bagi teks ayat-ayat yang dipilih ia dikemukakan sebelum menghuraikan wajah-wajah bacaan. Secara umumnya ia merangkumi kesemua surah dalam al-Quran berbanding kitab *al-Minah al-Ilahiyyah* yang hanya melibatkan ayat al-Quran bermula Surah al-Fatihah sehingga akhir al-An'am sahaja. Namun begitu, ia memuatkan semua ayat-al-Quran pada setiap surah dengan lengkap sama ada mengandungi *khilaf* atau sebaliknya. Dalam kitab *al-Tuhfat al-Mardiyyah* didatangkan dalil-dalil daripada *Matn al-Shatibiyyah* yang berjudul "*al-Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*". Ia merupakan sumber rujukan dalam pengajian *al-Qira'at al-Sab'* mengikut *Tariq al-Shatibiyyah*. Dalil-dalil yang disebut merangkumi keseluruhan dalam *Farsh al-Huruf* dan sebahagian dalam *Usul al-Qira'at*. Dalam kitab *al-Minah al-Ilahiyyah* pula didatangkan dengan dalil-dalil bagi kalimah *khilaf* berdasarkan *Matn al-Shatibiyyah* merangkumi bahagian *Usul al-Qira'at* dan *Farsh al-Huruf* berserta menyebut nombor setiap *bayt matan*. Antara lain yang boleh diketengahkan dalam *al-Minah al-Ilahiyyah* ialah mengaplikasi kaedah *al-Jam' bi al-Waqf* dalam setiap ayat dengan konsisten dan lebih tersusun berdasarkan kitab-kitab *al-Waqf wa al-Ibtida'* karangan Imam al-Dani, al-Ushmuni dan Shaykh al-Islam Zakariyya al-Ansari. Selain itu, kitab *al-Minah al-Ilahiyyah* juga menghuraikan tentang *Taujih al-Qira'at* pada sesetengah kalimah *khilaf* khususnya pada *Farsh al-Huruf* dan juga menghuraikan maksud sesetengah kalimah dalam *Matn al-Shatibiyyah*. Ia juga menitikberatkan kaedah bacaan wakaf Hamzah dan Hisham dalam kalimah-kalimah tertentu yang melibatkan Huruf Hamzah. Di samping mengemukakan *Tahrirat al-Qira'at* pada sesetengah ayat bagi menjelaskan wajah yang harus dan ditegah semasa proses pembacaan *Jam' al-Qira'at*. Pengamalan dalam kaedah *Jam' al-Qira'at* disusun bermula dengan mengemukakan teks ayat-ayat al-Quran kemudian disusuli dengan susunan tertib bacaan. Pengarang mengemukakan dalil-dalil berdasarkan matan-matan *Qira'at* tertentu seperti *matn al-Shatibiyyah* dan *Tahrirat al-Qira'at*. Sekiranya terdapat sebarang penambahan atau peringatan penting pengarang akan membuat penjelasan sebelum beralih kepada ayat yang baru.

Kesimpulan daripada perbandingan antara kitab *al-Tuhfat al-Mardiyyah* dan *al-Minah al-Ilahiyyah* dalam penyusunan *Jam' al-Qira'at* dapatlah dikenal pasti dari beberapa aspek utama iaitu:

i. Tertib Bacaan:

Kedua-dua kitab mengutamakan Riwayat Qalun 'an Nafi' dalam tertib bacaan, diikuti oleh riwayat lain mengikut kalimah *khilaf* yang paling hampir dengan tempat wakaf.

ii. Perbezaan Penyusunan:

Berdasarkan kitab *al-Tuhfat al-Mardiyyah*, kadang-kadang pengarang tidak menyusun tertib bacaan dalam semua ayat walaupun ia merangkumi keseluruhan surah dalam al-Quran. Ia memadai dengan menyebut *khilaf* pada kalimah dan disandarkan kepada riwayat sahaja. Pengarang juga tidak menghuraikan keseluruhan *wujud al-Qira'at*. Berlainan dengan kitab *al-Minah al-Ilahiyyah* yang lebih konsisten dalam penyusunan tertib bacaan. Selain itu juga, kitab ini lebih holistik dari sudut menyempurnakan dan melengkapkan *wujud al-Qira'at* mengikut tertib walaupun hanya meliputi ayat dari Surah al-Fatihah hingga akhir al-An'am sahaja.

iii. Mendatangkan dalil daripada *matan*:

Berdasarkan kitab *al-Tuhfat al-Mardiyyah* terdapat juga dalil-dalil daripada *Matn al-Shatibiyyah* yang disebut terutamanya dalam *Farsh al-Huruf* dan sebahagian *Usul al-Qira'at* sebaliknya dalam kitab *al-Minah al-Ilahiyyah* ia lebih terperinci dalam mendatangkan dalil-dalil yang merangkumi *Usul al-Qira'at* dan *Farsh al-Huruf* berserta dengan nombor bayt *matan*.

iv. Kaedah *al-Jam' bi al-Waqf*:

Antara kelebihan lain dalam kitab *al-Minah al-Ilahiyyah* ialah mengaplikasikan kaedah *al-Jam' bi al-Waqf* dengan lebih konsisten dan tersusun berdasarkan rujukan dari kitab-kitab *al-Waqf wa al-Ibtida'*. Namun, ia tidak dilakukan oleh pengarang *al-Tuhfat al-Mardiyyah*

v. Penambahan dan Huraian:

Terdapat juga penambahan dan huraian dalam kitab *al-Minah al-Ilahiyyah* seperti menghuraikan *Taujih al-Qira'at* pada sesetengah kalimah *khilaf* dan menjelaskan tentang maksud kalimah dalam *Matn al-Shatibiyyah*. Selain itu, pengarang juga menekankan tentang bacaan wakaf Hamzah dan Hisham. Dari sudut aspek penambahan dan huraian tersebut ia tidak terdapat dalam kitab *al-Tuhfat al-Mardiyyah*. Walau bagaimanapun kedua-dua karya tersebut mendatangkan *Tahrirat al-Qira'at* bagi menjelaskan wajah yang harus dan ditegah dalam bacaan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa kitab *al-Minah al-Ilahiyyah* adalah lebih holistik dalam aspek konsistensi, ketelitian dan kelengkapan dalam kaedah penyusunan dan huraian wajah-wajah *Qira'at* berdasarkan setiap ayat berbanding dengan *al-Tuhfat al-Mardiyyah*. Oleh sebab itu, ia menjadikan karya *al-Minah al-Ilahiyyah* sebagai rujukan yang lebih komprehensif bagi mereka yang ingin memahami secara mendalam kaedah penyusunan *Jam' al-Qira'at*. Pelaksanaan *Jam' al-Qira'at* boleh dipraktikkan dalam surah-surah yang telah ada dalam karya *al-Minah al-Ilahiyyah* berdasarkan susunan dan kaedah-kaedah yang telah digariskan seterusnya ia boleh diaplikasi ke dalam surah-surah yang lain.

RUJUKAN

- Al-'Adawi, Hamdi Sultan Hasan, 2008. *Al-Rasm al-'Uthmani Mafhumuhu Mazayahu Masadiruhu Qawa'duhu wa Ara' al-'Ulama' Fih*. Tanta: Maktabat al-Azhar,
- Ahmad, Abu al-Qasim 'Ali bin 'Uthman bin Muhammad, 2004. *Siraj al-Qari' al-Mubtadi' Wa Tizkar al-Muqri' al-Muntahi Sharh Nazm al-Shatibiyyah*, cet ke-1, Tanta: Dar al-Sahabah Li al-Turath.
- Ahmad al-Shatibi al-Qasim bin Firruh bin Khalaf, 1996. *Matn al-Shatibiyyah al-Musamma Hirz al-Amani Wa Wajh al-Tahani Fi al-Qira'at al-Sab'*, cet ke-3. Al-Madinat al-Munawwarah: Maktabah Dar al-Huda.
- Ahmad Rida, 1359H. *Mu'jam Matn al-Lughah*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayah.
- Al-Banna al-Dimyati. Cet. 'Abd al-Hamid Ahmad Hanafi. *Ithaf Fudala' al-Bashar*. Mesir.
- Al-Dabba' 'Ali Muhammad, 2003. *Kitab al-Taysir Fi al-Qira'at al-Sab'*, cet ke-1, Kaherah: Maktabah al-'Ilm.
- Al-Dabba' 'Ali Muhammad, 2009. *Samir al-Talibin Fi Rasm Wa Dabt al-Kitab al-Mubin*, ed. Muhammad 'Ali Khalaf al-Husayni. Tanta: Dar al-Sahabah Li al-Turath,.
- Al-Dabba' 'Ali, 1347H. *Taqrib al-Naf'*. Mesir: Matba'ah al-Halabi.
- Fathi al-'Ubaydi, 2006. *Al-Jam' bi al-Qira'at al-Mutawatirah*. Beirut: Dar Ibn Hazm,.
- Felza Zulhibri Abd Hamid, 2010. "Riwayat Hafs bin Sulayman al-Kufi : Kajian Perbandingan Antara Tariq al-Shatibiyyah dan Tariq al-Jazari". Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur,
- al-Hafiz al-'Ilmi Khalid bin Muhammad, 1417 H. *Al-Minah al-Ilahiyyah Fi Jam' al-Qira'at al-Sab' Min Tariq al-Shatibiyyah*. Madinat al-Munawwarah: Maktabah Dar al-Zaman Li al-Nashr Wa al-Tauzi',
- al-Husayn al-Musili Abu 'Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Ahmad, 2008. *Kanz al-Ma'ani Sharh Hirz al-Amani* cet ke-1, Tanta: Dar al-Sahabah Li al-Turath.
- Husin bin Awang, 1994. *Kamus al-Tullab*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf, 1980. *Ghayat al-Nihayah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah,.
- Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf, 1993. *Al-Nashr Fi al-Qira'at al-'Ashr*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah,
- Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf, 1980. *Munjid al-Qari'in wa al-Muqri'in*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Ibn Mujahid, Abu Bakr Ahmad bin Musa bin al-‘Abbas, 2007. *Kitab al-Sab‘ah Fi al-Qira’at*. Tanta: Dar al-Sahabah Li al-Turath,
- Ibrahim ‘Abd al-Rahman bin Isma‘il, (t.t). *Ibraz al-Ma‘ani Min Hirz al-Amani Fi al-Qira’at al-Sab‘*. Kaherah: Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi Wa Auladihi.
- Ikmal Zaidi bin Hasyim, 2008. “Abu Bakr ibn Mujahid dan Sumbangannya Terhadap Perkembangan Ilmu Qira’at Berasaskan *Kitab al-Sab‘ah*”. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Qur’an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalawayh, Abu ‘Abdillah al-Husayn bin Ahmad, 1992. *I‘rab al-Qira’at al-Sab‘* cet ke-1. Makkat al-Mukarramah: Maktabat al-Khanji.
- Khalil al-Janayini, 1344H. *Hidayat al-Qurra’ wa al-Muqri’in*. Mesir: Matba‘ah al-Ma‘ahid.
- Mohd Nazri Mohd Khir, 2006. “Qira’at Nafi‘ Riwayat Qalun: Satu Kajian Fonetik”. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Sha‘rani Mohd Naim, 2009. “Perbezaan *Qira’at* Tujuh Dalam Surah Al-An‘am: Satu kajian Dari segi Morfologi”. Tesis Kedoktoran, Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhamamad ‘Abd al-Halim, 1999. *Al-Qira’at al-Qur’aniyyah*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Muhammad al-Nuri, ‘Ali, 1955. *Ghaith al-Naf’*, cet ke-3, Mesir, Maktabah al-Halabi,
- Muhammad Habsh, 2001. *Al-Shamil Fi al-Qira’at al-Mutawatirah*. Beirut: Dar al-Kalim al-Tayyib,
- Muhammad Hana Pizi Abdullah, 2007. “Pengajian *al-Qira’at* di Ma‘had Tahfiz al-Qur’an Majlis Agama Islam Kelantan: Suatu Kajian Terhadap Riwayat Shu‘bah ‘an Asim”. Disertasi Usuluddin, Jabatan al-Qur’an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Ibrahim Muhammad Salim, (t.t). *Al-Hadi Sharh Tayyibat al-Nashr Fi al-Qira’at al-‘Ashr Wa al-Kashf ‘An ‘Ilal al-Qira’at Wa Taujihaha*. Beirut: Dar al-Jayl.
- Muhammad Ibrahim Muhammad Salim, (t.t). *Faridat al-Dahr Fi Ta’sil Wa Jam‘ al-Qira’at al-‘Ashr*. Kaherah: Dar al-Bayan al-‘Arabi.
- Muhammad Ibrahim Muhammad Salim, 2005. *Al-Tuhfat al-Mardiyyah Min Tariq al-Shatibiyyah*, cet ke-1. Kaherah: Dar al-Bayan al-‘Arabi.
- Muhammad Muhammad Salim Muhaysin , 2003. *Irshad al-Talibin Ila Dabt al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: Maktabat al-Azhar.
- Mushaf al-Qur’an al-Karim, 1409H. Madinat al-Munawwarah: Wizarat al-Hajj wa al-Auqaf fi al-Mamlakat al-‘Arabiyyah wa al-Su’udiyyah.
- Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti, 2012. Ed. Ke-3,
- Al-Qadi ‘Abd al-Fattah, 1995. *Al-Wafi Fi Sharh al-Shatibiyyah Fi al-Qira’at al-Sab‘* cet ke-6. Madinat al-Munawwarah: Maktabat al-Dar.
- Al-Qadi ‘Abd al-Fattah, 2003. *Tarikh al-Mushaf al-Sharif*. Kaherah: Maktabat al-Azhar, 2003.
- Al-Qadi, ‘Abd al-Fattah, ‘Abd al-Ghani, 2008. *Al-Budur al-Zahirah Fi Qira’at al-‘Ashr al-Mutawatirah Min Tariqay al-Shatibiyyah Wa al-Durrah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Riswadi bin Azmi, 2012. “Kesalahan Huraian Ilmu *Qira’at*: Kajian terhadap Karya Ilmu *Qira’ah al-Qur’an* Pelajaran *Qira’at al-Sab‘ah (Qira’at Tujuh)* Susunan Drs. Abdul

- Malik Yamint”. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sabri bin Mohamad, 2011. “*Sumbangan Muhammad Salim Muhaysin Dalam ‘Ilmu Qira’at: Kajian Terhadap Kitab al-Hadi’*”. Tesis kedoktoran Usuluddin, Jabatan al-Qur’an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sabri Mohamad, Mohd Faizulamri Mohd Saad, 2010. *Dinamika Ilmu Qira’at Qur’aniyyah*, cet ke-1, Selangor: Jabatan Pengajian al-Qur’an dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salih ‘Abd al-Karim Ibrahim, 2011. *Irshad al-Qurra’ Fi al-Waqf Wa al-Ibtida’*. Kitab Kuliyyat al-Qur’an al-Karim Li al-Qira’at Wa ‘Ulumiha, cet ke-1, Tanta.
- Samr al-‘Ashsha, *al-Bast Fi Qira’at al-‘Ashr*, 2004. Dimashq: Maktabah Dar al-Basha’ir, cet ke-1.
- Sedek Ariffin, 2009. “Kaedah Bacaan Qira’at Hamzah: Kajian Di Darul Qur’an, Kuala Kubu Baru, Selangor”. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Qur’an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sedek Ariffin, 2010. “*Manhaj Waqaf Huruf Hamzah Qira’at Imam Hamzah al-Zayyat dan keunikannya di dalam pembacaan al-Qur’an*”. Al-Bayan Jurnal al-Qur’an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Bil.8 Mei.
- Shaharudin Saad, 2007. “*Tajwid al-Qur’an Tariq al-Shatibi dan al-Jazari Riwayat Hafs ‘an Asim : Pengamalannya Di Ma’had Tahfiz Darul Qur’an Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*”. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Qur’an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Al-Shaqansi, (t.t) . *‘Umdat al-Qari’in wa al-Muqri’in*. Tunisia: Dar al-Kutub al-Wataniyyah.
- Al-Suyuti, 1973. *Al-Itqan fi ‘Ulum al-Qur’an*. Beirut: al-Maktabah al-Thaqafiyyah,
- al-Suyuti Jalal al-Din, 2004. *Sharh al-Shatibiyyah*. Shari’ al-Khalifah: Mu’assasah Qurtubah
- ‘Uthman ‘Amir Sayyid, 2008. *Risalah Turuq al-‘Ashrah Min Tariq al-Tayyibah Wa Risalah Turuq Ruwat al-Ashrah Min Tahbir al-Taysir*, cet ke-1, Tanta: Dar al-Sahabah Li al-Turath.